


**MASJID  
WADAH KEPIMPINAN NEGARA  
( PENGALAMAN MALAYSIA )**



جاتن ڪماجوان إسلام مليسيا

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**MASJID**  
**WADAH KEPIMPINAN NEGARA - PENGALAMAN MALAYSIA**

**1. MUKADIMAH**

- 1.1 Al-Imam Abu Al-Hasan 'Ali bin Muhamad bin Habib al-Muwardi ( M 450 H ) Dalam kitabnya al-Ahkaam al-Sultaniyyaah merumuskan tugas pemerintah sebagai "menjaga kepentingan agama dan mentadbir urusan dunia" حراست الدين وسياسة الدنيا . Perbahasan-perbahasan yang berkaitan dengan tajuk di atas dibincangkan oleh al-Mawardi dalam bab ke-19 , iaitu "Kuasa-kuasa Yang Berkaitan Dengan Hak Melantik Imam Sembahyang".
- 1.2 Al-Mawardi membahagikan masjid kepada dua jenis iaitu : Masjid Pemerintahan ( Masjid Sultaniah ) , dan Masjid Awam ( Masjid 'Ammah ) . Memperjelaskan lebih lanjut hukum-hukum yang berkaitan dengan Masjid Pemerintah, beliau menulis, "Yang dikatakan Masjid Sultan itu ialah masjid-masjid jamek yang besar dan ramai bilangan jamaahnya yang mana

pengurusannya terletak di bawah kuasa Sultan ( Pemerintah ). Bagi masjid-masjid seperti ini, tidak harus menjadi imam sembahyang berjamaah di dalamnya melainkan orang yang dilantik oleh Pemerintah sahaja. Ini ialah supaya perkara yang menjadi hak dan tanggungjawab pemerintah ini tidak diambil alih secara sewenang-wenang oleh rakyat. Apabila terdapat imam yang dilantik oleh pemerintah dalam sesbuah masjid, maka dia lah yang lebih berhak menjadi imam, walaupun terdapat orang lain yang lebih alim dan lebih tinggi martabatnya daripada imam rasmi.”

1.3 Kenyataan al-Mawardi di atas mengandungi beberapa persoalan pokok berkaitan dengan topik yang dibincangkan :

1.1 Yang dikatakan “Masjid Sultaniah” itu ialah masjid-masjid yang pengurusannya terletak di bawah tanggungjawab Pemerintah. Perkataan “Sultan yang digunakan oleh al-Mawardi bermaksud: Pemerintah, sama ada ia dipanggil Sultan, Raja, Preisiden dan siapa saja yang menjadi “Waliyul Amri” kepada umat Islam.

1.2 Orang yang dilantik oleh pemerintah sahaja yang berhak menjadi imam di masjid berkenaan. Adalah haram bagi orang lain mengambil tempat imam rasmi tanpa izinnya. Perkataan "la yajuz"( tidak harus ) dalam istilah fiqh membawa makna haram. Hukum ini berlaku tidak kira sama ada orang lain itu lebih alim atau lebih tinggi kedudukannya daripada imam rasmi.

1.3 Al-Mawardi seterusnya menyebut hikmat bagi hukum di atas, iaitu; Supaya tugas-tugas yang menjadi tanggungjawab pemerintah tidak diambil alih secara sewenang-wenang oleh rakyat. Perbuatan "al- iftiyat" atau pencerobohan terhadap perkara-perkara yang menjadi hak pemerintah sangat dilarang dalam Islam. Kerana ia boleh meluputkan maksud daripada kewujudan pemerintah seperti yang dinyatakan oleh Abu Abdullah dalam kitab "Tahzib al- Risayah". "Teraturnya urusan agama dan dunia adalah sesuatu yang dituntut,dan ia tidak akan berlaku tanpa kewujudan pemerintah. Kalauolah tidak kerana

wujudnya pemerintah, nescaya keadaan manusia menjadi kacau bilau dan mereka akan saling bunuh-membunuh antara satu sama lain". Memandangkan demikian, sebarang tindakan yang boleh memporak perandakan umat diancam dengan hukuman yang berat dalam nas-nas syarak, seperti yang terdapat dalam hadis-hadis berikut:-


سَتَكُونُ هَنَاتْ وَهَنَاتْ فَمَنْ أَرَادَ أَنْ يُفَرِّقَ أُمُّرَهُذِهِ الْأُمَّةِ وَهِيَ

جَمِيعٌ فَاضْرِبُوهُ بِالسَّيْفِ كَانَا مِنْ كَانَ

**Maksudnya:**

*"Akan wujud keadaan kacau bilau di kalangan umat, maka barang siapa yang ingin memecah-belahkan perpaduan umat ini, hendaklah ia dipancung dengan pedang tanpa mengira siapakah orangnya".*

*(Riwayat Muslim )*



**Maksudnya:**

**"Pemerintah adalah perlindungan Allah di muka bumi: barangsiapa yang memuliakan 'kuasa Allah' di dunia, Allah akan muliakan dia pada hari kiamat, dan sesiapa yang menghina "kuasa Allah" di dunia, Allah akan hinakan dia pada hari kiamat".**

( Riwayat Al- Bazaar )

Maksud 'Perlindungan Allah' dalam hadis di atas dijelaskan dalam hadis berikut :

سِيَكُونُ بَعْدِي أَمْرَآءٌ فَأَدُوْا إِلَيْهِمْ طَاعَتْهُمْ ، فَإِنَّ الْأَمْرِيرَ مِثْلَ الْجَنِّ  
يَتَقْرِبُ بِهِ ، فَإِنَّ أَصْلَحُوكُمْ أَمْرُكُمْ وَهُمْ ، وَإِنْ أَسَاوَوكُمْ  
بِهِ فَهُوَ عَلَيْهِمْ وَأَنْتُمْ مِنْهُ بُرَاءٌ

**Maksudnya:**

**"Akan ada selepas aku pemerintah-pemerintah, maka hendaklah kamu taat kepada mereka, kerana pemerintah laksana perisai yang kamu berlindung disebaliknya; jika mereka memerintah dengan baik, maka kamu dan mereka akan berlaku kebaikan,**

*tetapi jika mereka memerintah dengan cara yang tidak baik, maka mereka akan menanggung akibatnya, manakala kamu terselamat daripada menanggung akibat perbuatan mereka”.*

( Riwayat al-Tabrani ).

## **2. Hak Raja ke atas masjid di Malaysia**

- 2.1 Keistimewaan Malaysia ialah kerana Perlembagaan Negara menetapkan Islam sebagai Agama Rasmi bagi Persekutuan ( perkara 3.1 ), manakala raja-raja adalah Ketua Agama Islam di Negeri-Negeri. ( perkara 3.2 ) dan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama bagi Negeri Bersekutu ( Melaka,Pulau Pinang, Sabah Dan Sarawak ) ( perkara 3.3 ).**
- 2.2 Raja sebagai Ketua Agama Islam di Negeri-Negeri berkuasa membuat Undang-Pndang Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri atau Akta Pentadbiran Undang-undang Islam bagi Negeri Bersekutu. Pelbagai aspek bersangkutan dengan hal**

ehwal umat Islam diperuntukan di dalam undang-undang tersebut seperti Hal Ehwal Kekeluargaan, Hal Ehwal Jenayah Syarak, Pengurusan Baitulmal, Hal Ehwal Saudara Baru, Hal Ehwal Masjid dan lain-lain.

**2.3** Raja bagi negeri-negeri lazimnya menukuhan sebuah badan yang dikenali sebagai Majlis Agama Islam Negeri ( MAIN ), bagi menjalankan kuasa Raja mengenai Hal Ehwal Islam. Namun terdapat beberapa negeri di mana Raja melantik Raja Muda sebagai Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

**2.4** Fungsi MAIN adalah meliputi semua aspek mengenai Hal Ehwal Islam di Negeri-Negeri. Bagi masjid secara khusus, fungsi MAIN ialah :-

- i) **Majlis sebagai pemegang amanah masjid-masjid.**
- ii) **Kuasa kebenaran mendirikan bangunan masjid.**
- iii) **Kuasa penyelenggaran masjid.**
- iv) **Memutuskan persempadanan kariah masjid.**
- v) **Kuasa melantik Pegawai Masjid.**
- vi) **Kuasa memberi tauliah kepada Pegawai Masjid.**

- vii) Kuasa menamatkan perlantikan Pegawai Masjid.
- viii) Kuasa mengadakan kaedah-kaedah mengenai masjid. Sebagai contoh di Wilayah Persekutuan telah diluluskan Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Kariah Wilayah Persekutuan 1987.
- ix) Kuasa mengadakan peraturan-peraturan mengenai hal-hal pengurusan dan pengimaranhan masjid.

### **3. Masjid Di Malaysia**

3.1 Jumlah masjid di Malaysia ialah 5,300 buah dan surau atau madrasah pula ialah 12,257 buah. Pembinaan masjid di negara ini dikaitkan dengan kewujudan penempatan masyarakat Islam. Semakin banyak penempatan di wujudkan maka pembinaan masjid akan bertambah. Ini tidak dapat dinafikan kerana keperluan masyarakat Islam untuk menunaikan ibadah solat Jumaat, solat berjamaah dan aktiviti pengajian agama Islam. Selain institusi masjid dalam sesebuah penempatan, terdapat pula surau atau "madrasah" yang pembinaannya lebih kecil daripada sesebuah masjid. Ianya berfungsi sebagai tempat beribadah bagi kelompok masyarakat Islam yang lebih kecil. Surau atau madrasah ini tidak di benarkan untuk didirikan solat Jumaat kecuali yang mendapat kebenaran Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

3.2 Di Malaysia kos pembinaan masjid dan pembiayaan program takmir masjid dimasukkan dalam peruntukan **Belanja Pembangunan** dan **Belanja Mengurus** kerajaan. Selain dari itu rakyat adalah digalakkan terlibat dalam pembiayaan pembinaan Masjid, Surau dan Madrasah dan dalam pembiayaan program dan aktiviti masjid.

#### **4. Kategori Masjid Di Malaysia**

Terdapat beberapa kategori masjid yang dibina di negara ini. Antaranya ialah:

4.1. **Masjid Negara** iaitu sebuah masjid rasmi yang diiktiraf sebagai Masjid Negara yang menjadi lambang kepada pemerintahan dan Islam sebagai Agama Rasmi Negara. Terletak di Ibu Negara Malaysia-Kuala Lumpur. Keseluruhan kos pembinaan dan pengurusan nya di bayai oleh kerajaan.

4.2. **Masjid Negeri** iaitu sebuah masjid Negeri untuk setiap buah negeri di Malaysia (Malaysia mempunyai 14 buah negeri). Ianya menjadi mercu tanda bagi sesebuah negeri. Kos pembinaan dan pengurusan adalah di tanggung sepenuhnya oleh kerajaan.

- 4.3. **Masjid Jamek Daerah**, iaitu sebuah masjid bagi setiap daerah di negeri. Pembinaan dan pengurusannya di bayai oleh kerajaan. Maksud kos pengurusan ialah bayaran gaji imam, bilal , siak dan noja di bayar gaji oleh kerajaan negeri.
- 4.4. **Masjid Universiti** yang dibina di setiap Institusi Pengajian Tinggi di mana kos pengurusan di bayai oleh institusi berkenaan.
- 4.5. **Masjid Kariah** ialah masjid yang terdapat di setiap kampung yang mempunyai penduduk Islam. Masjid kariah ada yang di bina oleh ahli kariah dan ada yang dibina oleh kerajaan. Pengurusannya dibiayai oleh penduduk tempatan atau ahli kariah.

## 5. Pengurusan Masjid.

Sudut-sudut pengurusan masjid dapat dilihat seperti berikut :

### 5.1. Pegawai Masjid

- 5.1.1. Semua masjid diurus tadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri ( MAIN ) melalui individu-individu yang di sebut sebagai **Pegawai Masjid**.
- 5.1.2. Setiap masjid mempunyai Pegawai Masjid yang terdiri daripada Imam, bilal, siak dan noja. Mereka ini bertugas untuk melaksanakan tugas-tugas

mengenai solat dan program pengimaranan masjid seperti solat jumaat, solat waktu berjamaah, kelas pengajian, azan pada setiap waktu dan penjagaan kesuciaan serta kebersihan masjid dan lain-lain. Pegawai-pegawai masjid dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri ( MAIN )

5.1.3. Bagi tujuan meningkatkan penyeliaan dan pemantauan pengurusan masjid, kerajaan pusat telah membiayai peruntukan bagi pelantikan **Pegawai Penyelaras Masjid Daerah**, seorang bagi setiap daerah di seluruh negara. Pelantikan ini juga adalah mendapat persetujuan daripada MAIN.

## 5.2 Kepimpinan Masjid

5.2.1. Kepimpinan masjid di Malaysia disebut sebagai Jawatankuasa masjid. Mereka dilantik oleh MAIN dan dipilih oleh kariah.

5.2.2. Komposisi kepimpinan/ahli jawatankuasa (AJK) sesebuah masjid adalah seperti berikut:

- (I) Seorang Pengerusi ;
- (II) Seorang Timbalan Pengerusi ;
- (III) Seorang Setiausaha ;
- (IV) Seorang Bendahari ; dan
- (V) Tujuh (7) orang Ahli Jawatankuasa

(4 dilantik oleh MAIN dan 3 dipilih oleh kariah).

- 5.2.3. Sebagai pemimpin "de-facto" kepada suatu komuniti, AJK Masjid dilantik dari kalangan personaliti yang terpilih dalam satu-satu kawasan. Mereka dilantik dari kalangan orang-orang yang integriti dan kredibiliti yang tinggi serta berwibawa dari segi taraf pendidikan, keluarga, akhlak, amanah dan penerimaan masyarakat setempat.
- 5.2.4. Komposisi kepimpinan masjid yang dinyatakan di atas secara "de-facto" merupakan kumpulan orang yang diamanahkan oleh MAIN untuk mengurus dan menangani semua isu dan masalah agama yang dihadapi oleh penduduk bermula dari isu pendidikan pra-sekolah bagi kanak-kanak, pemahaman dan amalan agama bagi belia, remaja, orang-orang dewasa dan muslimat, penjagaan anak-anak yatim, kebajikan dan pendidikan golongan miskin, pengurusan perkahwinan, penyelesaian dan isu-isu konsultasi rumah tangga sehingga kepada pengurusan jenazah dan tanah perkuburan Islam.

- 5.2.5. Keberkesanan kepimpinan masjid bergantung kepada sejauhmana AJK Masjid berperanan membawa dan memikul tanggungjawab yang diamanahkan ke atas mereka. Kepimpinan masjid yang baik bisanya berjaya menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi oleh penduduk Islam tempatan.
- 5.2.6. Kepimpinan masjid merupakan individu-individu contoh dalam masyarakat. Mereka disegani, dihormati dan diteladani. Mereka mempunyai "access" dengan kepimpinan birokrasi negara dan politik negara. Dengan memiliki sifat-sifat dan kemudahan ini, kepimpinan masjid dapat menyelesaikan banyak isu dan permasalahan yang dihadapi oleh penduduk.

## 6. Pengimaranan Masjid

Aktiviti masjid digerakkan bersama oleh pegawai dan AJK Masjid. Mereka saling berperanan dan saling memenuhi dan bantu membantu antara satu sama lain bagi menjayakan program pengimaranan masjid. Biasanya **Pegawai Masjid** melaksanakan tugas-tugas **Substantive** dan **AJK Masjid** melaksanakan tugas-tugas **Logistic**. Aspek-aspek kawalan, bentuk aktiviti pengimaranan,

pelaksanaan dan pembiayaan aktiviti dapat dilihat seperti berikut :

### **6.1. Kawalan Ke Atas Aktiviti Masjid.**

6.1.1. Pada keseluruhannya masjid-masjid di negara ini dikawal selia oleh MAIN. Penguatkuasaan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri yang berkuatkusa di negeri masing-masing dijadikan panduan dan amalan untuk melicinkan lagi pengurusan masjid. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bertindak sebagai penyelaras dalam membuat peraturan-peraturan tertentu yang seragam bagi digunakan di masjid-masjid sebagai panduan pengurusan dan pelaksanaan Enakmen.

### **6.2 Aktiviti/Program Pengimaranan Masjid.**

6.2.1 Bagi tujuan meyemarakkan aktiviti pengimaranan masjid dan surau seluruh negara, kerajaan pusat setuju membiayai kelas pengajian takmir masjid, di mana sejumlah hampir 30,000 kelas pengajian diadakan dalam sebulan. Kelas ini juga

adalah persetujuan bersama diantara kerajaan pusat dan MAIN.

6.2.2. Selain itu antara aktiviti/program pengimaranan masjid yang berjalan ialah:

- (I) Program Tahunan ;
- (II) Program Bulanan ;
- (III) Program Mingguan ;
- (IV) Program Harian ; dan
- (V) Program Berkala.

6.2.3. Program Tahunan adalah seperti berikut:

- i. Sambutan Maal Hijrah ;
- ii. Sambutan Maulidur Rasul ;
- iii. Sambutan Isra' Mikraj ;
- iv. Sambutan Nisfu Sya'aban ; dan
- v. Syiar Ramadhan :-
  - Tadarus ;
  - Qiamullail ; dan
  - Nuzul Qur'an.
- vi. Sambutan Hari Raya Idulfitri :
  - Ziarah rumah ke rumah ;
  - Rumah terbuka ; dan
  - Majlis Idulfitri.
- vii. Sambutan Hari Raya Idul Adha :
  - Ibadat Korban ; dan
  - Majlis Khas sempena korban.
- viii. Mesyuarat Agong Tahunan :
  - Membentangkan penyata kerja tahunan ;
  - Membentangkan penyata kewangan ; dan
  - Usul-usul.

**6.2.4. Program bulanan adalah seperti berikut :**

- i. Ceramah bulanan daripada agensi kerajaan seperti Pejabat Daerah, Polis, Bomba, Bank, Pendidikan, Kesihatan, Pertanian, Majlis Perbandaran/Daerah, Pejabat Haiwan dan sebagainya ;
- ii. Berzanji ;
- iii. Ziarah ahli kariah ; dan
- iv. Gotong Royong.

**6.2.5. Program mingguan adalah seperti berikut :**

- i. Solat Jumaat ;
- ii. Membaca Yasin dan Tahfiz beramai-ramai atau membaca surah-surah pilihan seperti Surah Al-Kahfi, Sajadah, Waqiah dan sebagainya ;
- iii. Kelas Takmir Masjid ; dan
- iv. Membudayakan Sunnah.

**6.2.6 Program harian adalah seperti berikut :**

- i. Tarhim Subuh ;
- ii. Solat berjemaah ; dan
- iii. Membaca Al-Quran.

**6.2.7. Program berkala adalah seperti berikut :**

i. **Kursus :**

- Golongan warga emas;
- Golongan remaja;
- Golongan kanak-kanak; dan
- Kepimpinan.

ii. **Pengurusan Jenazah;**

iii. **Kursus Haji;**

iv. **Kursus penyembelihan;**

v. **Kursus Perkahwinan;**

vi. **Kursus Rakan Muda masjid;**

- Komputer;
- Khat / Tulisan Jawi;
- Bahas;
- Motivasi;
- Gejala sosial; dan
- Kesihatan dan HIV.

**6.3 Halatuju Pengimaranan Masjid di Malaysia**

6.3.1. Di Malaysia Kerajaan Pusat telah pun menjadikan Masjid Putra, Putrajaya sebagai Standard Modul bagi panduan pengurusan dan pengimaranan masjid- masjid. Antara program utama ialah :

- i) Masjid Putra sebagai pusat ibadah.

- ii) Masjid Putra sebagai pusat ilmu, budaya dan tamadun.
- iii) Masjid Putra sebagai pusat kebajikan.
- iv) Masjid Putra sebagai syiar Islam.

6.3.2. Untuk merealisasikan perakuan Kerajaan Pusat mengenai perkara di atas, JAKIM bersama MAIN merangka hala tuju pengimaran masjid seperti berikut:-

- i) Pusat perpaduan umat.
- ii) Peyeragaman panduan pengurusan dan pengimaran.
- iii) Pusat kebajikan melalui aktiviti Pusat Khidmat Sosial.
- iv) Masjid sebagai destinasi pelancongan.
- v) Masjid sebagai pusat perantaraan bekas penagih dadah.
- vi) Masjid sebagai pusat aktiviti sosial ahli kariah.
- vii) Masjid sebagai pusat maklumat ahli kariah.
- viii) Masjid sebagai pusat kegiatan aktiviti remaja.
- ix ) Masjid sebagai pusat pengembangan pengajian Al-Quran susulan kepada program J-QAF Kementerian Pendidikan.
- X ) Masjid sebagai pusat pengajian "Ilmu Turath" bersijil masyarakat setempat.
- Xi) "One Stop Centre " untuk khidmat masyarakat setempat.

- xii) Penyediaan korikulum kelas pengajian takmir yang seragam untuk dilaksanakan di masjid.
- xiii) Penyediaan modul latihan yang seragam untuk seluruh Pegawai dan Ahli Jawatankuasa masjid.

#### **6.4 Cara Pelaksanaan Pengimaranan**

Biasanya pegawai masjid dan AJK Masjid mencari kata sepakat dalam memilih cara pelaksanaan program pengimaranan masjid. Antara pendekatan yang dipilih bagi melaksanakan program pengimaranan tersebut ialah melalui :

- (I) Mengadakan mesyuarat Ahli Jawatankuasa Masjid ;
- (II) Melantik Biro-Biro yang mempunyai fungsi dan tugas masing-masing ;
- (III) Sentiasa mengadakan mesyuarat dengan agensi luar ;
- (IV) Pihak pengurusan masjid hendaklah sentiasa mencari sumber kewangan masjid samada melalui tajaan badan-badan tertentu ;
- (V) Membentuk jawatankuasa yang akan melaksanakan pengimaranan ;
- (VI) Mengenalpasti kumpulan sasar ; dan
- (VII) Mengenalpasti keperluan kariah.

## **6.4 Pembiayaan Aktiviti Masjid-masjid**

- 6.4.1. Selain mendapat peruntukan daripada MAIN pembiayaan aktiviti masjid banyak bergantung kepada sumbangan dan bantuan orang ramai. Di Malaysia, masjid-masjid dibenarkan menerima sumbangan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pengimaranan, samada dari badan-badan korporat, individu-individu dari pihak yang ingin membantu.
- 6.4.2. Masjid-masjid juga dibenarkan memiliki harta wakaf sumbangan daripada orang ramai berupa tanah, rumah sewa, kedai dan sebagainya untuk membiayai pengurusan dan pengimaranan masjid.
- 6.4.3. Golongan yang memain peranan utama dalam mencari sumber pembiayaan aktiviti masjid ialah AJK Masjid. Melalui “rapport” yang baik dengan pihak-pihak dermawan terutama golongan korporat, AJK masjid biasanya tidak menghadapi masalah dalam mencari sumber kewangan. Berdasarkan sumbangan yang diterima secara berjadual, masjid berupaya membiayai kakitangan masjid tambahan selain dari membiayai program pengimaranan masjid.

## **7. Sumbangan Masjid Di Malaysia Kepada Kepimpinan Negara**

Kerjasama yang erat antara kepimpinan masjid menjadikan masjid sebagai wadah yang amat kukuh kepada kepimpinan negara. Antara sumbangan masjid yang dapat dilihat pada hari ini ialah :

- (I) Dasar-dasar kerajaan yang diputuskan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri dapat disalurkan dengan jayanya melalui khutbah-khutbah Jumaat dan kelas-kelas pengajian yang diadakan di masjid-masjid ;
- (II) Menghalang dari berkembangnya penyebaran ajaran sesat yang menjadi ancaman kepada keselamatan negara ;
- (III) Masjid menjadi pusat perpaduan ummah di mana perbezaan fahaman politik kepartian dapat diketepikan ;
- (IV) Masjid berjaya mengislahkan masyarakat melalui program-program yang terancang ;
- (V) Masjid berjaya mengukuhkan institusi keluarga melalui Program Khidmat Sosial yang disediakan ;

- (VI) Masjid berjaya menghidupkan semula semangat gotong-royong yang hampir pupus ;
- (VII) Masjid berjaya membantu kerajaan dalam mengurus keperluan masyarakat yang kurang berada dan kurang upaya seperti anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang cacat melalui tabung masjid ; dan
- (VIII) Masjid berjaya menyakinkan masyarakat atas kewibawaan kepimpinan negara selaras dengan konsep "imamah" menurut Islam.

## **8. Penutup**

Masjid-masjid di Malaysia telah memainkan peranan besar dalam mengekalkan identiti penduduk Islam

setempat sebagai umat beragama disamping ia menjadi tempat penyaluran maklumat dan tempat memupuk perpaduan dan persaudaraan. Melalui program-program pengimaranan masjid yang sebenarnya dirancang dan dilaksanakan dengan pengawasan dan seliaan rapi PBAN, masjid telah menjadi wadah utama dalam memperkuuhkan kepimpinan negara terutama dikalangan warga yang beragama Islam.